

'Jangan cari untung melalui pengswastaan'

BM 28 OCT 1964

KUALA LUMPUR, Sabtu — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** membayangkan bahawa kerajaan tidak akan membenarkan pihak tertentu membuat keuntungan berlebihan daripada dasar pengswastaan di bidang perkhidmatan kesihatan.

Perdana Menteri menegaskan dasar itu adalah untuk meluaskan lagi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat keseluruhannya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dengan mengswastakan sebahagian daripada perkhidmatan kesihatan, kerajaan akan dapat menumpukan lebih perhatian kepada mereka yang berpendapatan rendah dan yang benar-benar layak menerima perkhidmatan kesihatan kerajaan.

Perayaan

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian di Majlis Jamuan sempena perayaan Jubli Perak Persatuan Doktor-Doktor Perubatan Malaysia, di sini, malam ini. Persatuan itu melantiknya Ahli Kehormat.

"Perkhidmatan kesihatan adalah unik kerana ia adalah satu perkhidmatan yang hampir percua-

ma bagisemua rakyat, termasuk mereka yang mampu membiayai kos perubatan sendiri. Banyak negara yang maju pun tidak mampu memberi perkhidmatan sepertimana yang kita ada sekarang ini," katanya.

"Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kita terlalu tinggi menerima subsidi kerajaan sehingga yang mampu membayar juga mendapat perkhidmatan percua-

ma. Malah ada di antara yang mampu juga menyalahgunakan perkhidmatan ini," katanya.

"Kita sering mendengar doktor-doktor kerajaan melitakkan jawatan untuk memasuki sektor swasta, sama ada untuk membuka klinik sendiri atau bekerja dengan klinik persendirian yang sedia wujud.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun gejala itu tidak begitu menyenangkan kera-

jaan, ia ada juga kebai-

kannya. "Sedikit-kurangnya ia menyebabkan sektor perubatan swasta menjadi lebih bersaing. Antara lain, ini akan mewujudkan kecukupan dalam memberi perkhidmatan perubatan dan kadar bayaran pun seharusnya semakin munasabah," ujarnya.

Beliau menjelaskan kerajaan telah berusaha menambahkan beberapa kemudahan.